



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

MAKLUMAN PENGOPERASIAN SEMULA SELERA PUTRA, PUTRAJAYA

Putrajaya – Bermula pada **1 Februari 2010**, Selera Putra akan beroperasi semula seperti biasa mulai jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari.

Kini, pengunjung akan dapat menikmati pelbagai jenis makanan tempatan yang ditawarkan menerusi beberapa gerai yang disediakan dalam keadaan selesa dan bersih. Sebanyak 7 buah gerai yang terdapat di Selera Putra iaitu Hameed Nasi Kandar (S04); Triple Award (K01); Restoran Lengkuas (S05); Chicken Rice Shop (S06); Nurosh Trading (S07); Secret Recipe (S08) dan Nando's Chickenland (M) Sdn. Bhd. (S10).

Selera Putra telah ditutup sementara mulai 21 Ogos 2009 untuk membolehkan kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian dilaksanakan agar dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pengunjung.

Souq dan Selera Putra yang terletak di aras bawah Masjid Putra adalah produk pelancongan yang dirasmikan oleh Y.A. Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena sambutan pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 2001.

Destinasi popular di kalangan pelancong, bazar jualan berkonsepkan bazar Timur Tengah yang dikenali sebagai Souq menawarkan peluang membeli-belah dengan pelbagai kraftangan, cenderamata, kristal, batik dan pakaian manakala Selera Putra menawarkan kepelbagaian juadah makanan.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 04 Februari 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013